

PENDAHULUAN

Buku Peraturan Akademik ini disediakan sebagai bahan rujukan utama bagi membolehkan para pelajar memahami pelaksanaan sistem akademik di Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM) seperti prosedur-prosedur pendaftaran, peraturan-peraturan peperiksaan dan kurikulum pengajian yang sedang diikuti. Buku Peraturan Akademik ini terpakai untuk semua pelajar bagi program Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda, Diploma dan Asasi.

Pelajar-pelajar perlu menjalankan tanggungjawab seperti berikut untuk membolehkan Jabatan Hal Ehwal Akademik memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkesan.

- i. Memahami, menghayati dan mematuhi segala peraturan yang terkandung dalam Buku Peraturan Akademik ini.
- ii. Mengambil tindakan sewajarnya bersesuaian dengan peraturan yang terdapat dalam Buku Peraturan Akademik ini iaitu :
 - a) Menyempurnakan semua keperluan akademik seperti yang termaktub dalam kurikulum program pengajian yang diikuti.
 - b) Membuat pendaftaran kursus dalam tempoh yang ditetapkan.
 - c) Menghadiri kuliah/latihan amali/latihan industri yang telah ditetapkan oleh pihak UCAM.
- iii. Mengambil tindakan proaktif untuk mendapatkan panduan dan nasihat daripada pensyarah, penasihat akademik, pihak pengurusan Fakulti dan pegawai di Jabatan Hal Ehwal Akademik sekiranya berhadapan dengan sebarang bentuk permasalahan.
- iv. Mengambil akauntabiliti sepenuhnya terhadap kesan ketidakpatuhan terhadap peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan.

Diharapkan Buku Peraturan Akademik ini dapat digunakan sebagai sumber maklumat yang bermanfaat kepada semua khususnya kepada pelajar, pensyarah dan pihak-pihak lain yang berkaitan dan ucapan jutaan terima kasih serta penghargaan yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbangkan maklumat dan idea dalam usaha penerbitan buku ini.

Pendahuluan	1
Kandungan	2
1.0 Pentakrifan	
1.1 Semester	5
1.2 Kursus	5
1.3 Pelajar	5
1.4 Gugur Taraf (GT)	5
1.5 Tidak Lengkap (TL)	5
1.6 Unit Kredit	5
1.7 Kurikulum Pengajian	6
1.8 Ko-kurikulum Berkredit	7
1.9 Kursus Audit	7
1.10 Pra-syarat	7
1.11 Pemindahan Kredit Horizontal	8
1.12 Pemindahan Kredit Vertikal	8
1.13 Penilaian	8
1.14 Gred	8
1.15 Nilai Gred	8
1.16 Nilai Kredit	8
1.17 Purata Nilai Gred (PNG)	9
1.18 Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG)	9
1.19 Tamat	9
1.20 Pengurniaan Akademik	9
1.21 Pengurniaan Kecemerlangan Akademik	10
1.22 Slip Kebenaran Menduduki Peperiksaan Akhir	10
1.23 Transkrip Keputusan Peperiksaan	10
1.24 Transkrip Keseluruhan	10
1.25 Skrol	11
1.26 Cuti Khas	11

1.27	Tindakan Tata tertib	11
1.28	Penangguhan Pengajian	11
1.29	Penggantungan Pengajian	11
1.30	Penggantungan Sementara	11
1.31	Plagiarisme	12
1.32	Rayuan Semakan Semula Skrip Jawapan Peperiksaan Akhir	12
1.33	Pengawas Peperiksaan	12
1.34	Peperiksaan Khas	12
1.35	Peperiksaan Gantian	12
1.36	Pelajar Kena Tuduh (PKT)	12
1.37	Latihan Industri	13
2.0	Peraturan dan Prosedur	
2.1	Kemasukan Pelajar	14
2.2	Status Pelajar	14
2.3	Gugur Status Sebagai Pelajar	15
2.4	Keperluan Akademik	15
2.5	Pemindahan Kredit Horizontal	16
2.6	Pemindahan Kredit Vertikal	17
2.7	Permohonan Pemindahan Kredit	17
2.8	Tempoh Maksimum Pengajian	18
2.9	Penangguhan Pengajian	18
2.10	Pendaftaran Kursus	19
2.11	Perubahan Pendaftaran Kursus	19
2.12	Kehadiran Pelajar	20
2.13	Slip Kebenaran Menduduki Peperiksaan Akhir	20
2.14	Keputusan Akhir dan Penilaian	21
2.15	Status Tidak Lengkap (TL)	22
2.16	Pengiraan Purata Nilai Gred (PNG) Dan Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG)	23
2.17	Status Keputusan Akhir dan Penilaian	23

2.18	Penyata Keputusan Peperiksaan	24
2.19	Pengurniaan Akademik	24
2.20	Anugerah Naib Canselor (ANC)	25
2.21	Anugerah Dekan (AD)	25
2.22	Transkrip dan Skrol	25
2.23	Pengaktifan Semula Status Sebagai Pelajar Setelah Gugur Taraf (GT)	25
2.24	Pertukaran Program	26
2.25	Jadual Kuliah	26
2.26	Kelayakan Menduduki Peperiksaan Akhir	27
2.27	Peperiksaan Gantian	27
2.28	Peperiksaan Khas	27
2.29	Tarikh Peperiksaan Akhir	28
2.30	Jadual Peperiksaan Akhir	28
2.31	Pelanggaran Kaedah Tatatertib Pelajar Bersabit Dengan Peperiksaan Akhir (Pengendalian Tataterib Akademik)	28
2.32	Rayuan	28
	Jadual 1 – Jadual 3	30
3.0	Maklumat Struktur Pengajian	
3.1	Fakulti Agrosains	32
3.2	Fakulti Pengurusan Perniagaan	47
3.3	Fakulti Sains Komputer	69
3.4	Fakulti Sains Sosial	73

1.0 PENTAKRIFAN

1.1 Semester

Sesi pengajian yang ditetapkan oleh Kolej Universiti seperti yang telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

1.2 Kursus

Subjek atau semua bentuk latihan yang tersenarai dalam struktur pengajian bagi sesuatu Program Pengajian.

1.3 Pelajar

Individu yang mendaftar dengan Kolej Universiti ini untuk mengikuti Program Pengajian yang ditawarkan setelah membayar yuran pengajian dan mendaftar kursus.

1.4 Gugur Taraf (GT)

Status yang diberikan kepada pelajar yang gagal mendaftar kursus dan membayar yuran pengajian dalam tempoh yang ditetapkan pada setiap semester.

1.5 Tidak Lengkap (TL)

Status kursus berbentuk projek ilmiah/latihan amali/praktikum/latihan industri yang tidak dapat dilengkapkan dalam semester yang ditetapkan.

1.6 Unit Kredit

Nilai beban bagi satu (1) unit kredit adalah bersamaan dengan 40 jam belajar pelajar selama satu (1) semester pengajian (14 minggu). Aktiviti pembelajaran pelajar yang dikira sebagai satu (1) nilai nominal diperolehi dari :

1.6.1 Satu (1) jam pertemuan rasmi secara kuliah (pengkuliahan berjadual) setiap minggu untuk tempoh 14 minggu belajar; dan/atau

1.6.2 Dua (2) atau tiga (3) jam aktiviti pembelajaran berjadual/berpandu seperti :

1.6.2.1 Seminar

1.6.2.2 Tutorial/latihan

1.6.2.3 Kerja makmal

1.6.2.4 Kerja lapangan/padang

1.6.2.5 Kerja studio

1.6.2.6 Menyiapkan projek setiap minggu untuk tempoh 14 minggu di mana pelajar diselia semasa menyiapkan tugas dalam tempoh yang dijadualkan; dan/atau

1.6.3 Dua (2) minggu latihan industri; dan/atau

1.6.4 Enam (6) jam latihan mengajar; dan/atau

1.6.5 Gabungan sebahagian dari mana-mana komponen di atas untuk membentuk jam belajar pelajar setara dengan 40 jam nilai nominal setiap semester untuk menjadikan beban akademik bersamaan dengan satu (1) unit kredit.

1.7 Kurikulum Pengajian

Kurikulum Pengajian Kolej Universiti adalah merangkumi komponen berikut :

1.7.1 Kursus Wajib

Kursus asas yang wajib dipelajari oleh setiap pelajar UCAM. Ia terdiri daripada :

(1) Matapelajaran Pengajian Umum (MPU)

Kursus asas yang ditetapkan oleh pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) kepada semua institusi pengajian tinggi.

(2) Kursus Wajib Universiti

Kursus asas yang ditetapkan oleh pihak Kolej Universiti. Kursus-kursus ini bertujuan memberi pengetahuan dalam pelbagai bidang.

1.7.2 Kursus Teras

Kursus yang berkaitan dengan bidang pengkhususan dan ditetapkan oleh Fakulti yang mengendalikan program-program tersebut. Pelajar-pelajar di dalam program berkenaan diwajibkan untuk mengikuti kursus-kursus ini. Ia terdiri daripada :

(1) Teras Fakulti

Kursus teras yang ditetapkan oleh Fakulti. Pelajar-pelajar dalam mana-mana program di bawah Fakulti berkenaan wajib mengikuti kursus-kursus ini.

(2) Teras Program

Kursus teras yang wajib diambil oleh pelajar di dalam program berkenaan. Kursus ini memberi pengkhususan dalam bidang program yang ditawarkan.

1.7.3 Kursus Elektif

Kursus elektif ialah kursus pilihan bagi Program Pengajian. Ia boleh dipilih daripada senarai kursus pilihan yang terdapat dalam program berkenaan atau boleh diambil daripada program lain di dalam atau di luar Fakulti.

1.8 Ko-kurikulum Berkredit

Kursus Universiti yang dijalankan untuk memupuk Kemahiran Insaniah (KI) pelajar seperti yang ditetapkan oleh Kolej Universiti bagi memenuhi salah satu syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda atau Diploma.

1.9 Kursus Audit

Kursus yang diikuti oleh pelajar tetapi tidak menyumbang kepada pengumpulan unit kredit.

1.10 Pra-syarat

Kursus yang ditentukan oleh Fakulti yang perlu disempurnakan/lulus untuk membolehkan pelajar mengambil kursus di peringkat seterusnya.

1.11 Pemindahan Kredit Horizontal

Pemindahan Kredit Horizontal ialah untuk pelajar Ijazah Sarjana Muda dan Diploma yang diluluskan pertukaran program dalam tahap yang sama di mana semua gred kursus yang mempunyai kod yang sama atau setara daripada Program Pengajian asal dipindahkan kepada Program Pengajian baharu.

1.12 Pemindahan Kredit Vertikal

Jumlah kredit yang dipindahkan kepada pelajar berdasarkan pencapaian kursus dalam satu Program Pengajian/Program IPT yang telah disempurnakan dan berstatus tamat sebelum mengikuti mana-mana Program Pengajian bertaraf lebih tinggi di Kolej Universiti.

1.13 Penilaian

Pengukuran terhadap pencapaian pelajar sama ada dalam bentuk ujian bertulis, kerja-kerja makmal, bengkel, studio, medan teknikal, projek, latihan ilmiah, latihan industri, praktikum dan sebagainya.

1.14 Gred

Suatu nilai dalam bentuk abjad bagi menunjukkan prestasi pelajar dalam sesuatu kursus. (Sila rujuk Jadual 2)

1.15 Nilai Gred

Suatu nilai dalam bentuk angka bagi menunjukkan prestasi pelajar dalam sesuatu kursus. (Sila rujuk Jadual 2)

1.16 Nilai Kredit

Angka hasil pendaraban Nilai Gred dengan Unit Kredit.

Nilai Kredit = (Nilai Gred) x (Unit Kredit)

1.17 Purata Nilai Gred (PNG)

Nilai pencapaian seseorang pelajar pada sesuatu semester yang dikira seperti berikut :

PNG =	Jumlah nilai kredit yang didaftarkan dalam penilaian pada sesuatu semester
	Jumlah unit kredit yang diperolehi dalam semester yang sama

1.18 Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG)

Purata nilai gred yang diperolehi oleh seseorang pelajar dalam semua peperiksaan yang telah diambil dan dikira seperti berikut :

HPNG =	Jumlah nilai kredit yang didaftarkan dalam penilaian pada semua semester
	Jumlah unit kredit yang terkumpul dalam semua semester

1.19 Tamat

Status yang diberi kepada pelajar setelah menyempurnakan dan lulus semua keperluan akademik serta memenuhi semua syarat yang telah ditetapkan oleh Kolej Universiti.

1.20 Pengurniaan Akademik

1.20.1 Ijazah Sarjana

Penganugerahan kepada pelajar yang memenuhi keperluan program peringkat Ijazah Sarjana dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kolej Universiti setelah mendapat perakuan Senat.

1.20.2 Ijazah Sarjana Muda

Penganugerahan kepada pelajar yang memenuhi keperluan program peringkat Ijazah Sarjana Muda dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kolej Universiti setelah mendapat perakuan Senat.

1.20.3 Diploma

Penganugerahan kepada pelajar yang memenuhi keperluan

program peringkat Diploma dan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kolej Universiti setelah mendapat perakuan Senat.

1.21 Pengurniaan Kecemerlangan Akademik

1.21.1 Anugerah Naib Canselor

Anugerah kepujian kepada pelajar yang telah menamatkan pengajian dengan memperolehi Anugerah Dekan pada setiap semester sepanjang tempoh pengajian di Kolej Universiti, tidak termasuk semester latihan industri.

1.21.2 Anugerah Dekan

Anugerah kepujian kepada pelajar yang memperolehi PNG minimum 3.50 bagi sekurang-kurangnya 12 kredit tidak termasuk kursus berbentuk Lulus/Gagal pada sesuatu semester.

1.22 Slip Kebenaran Menduduki Peperiksaan Akhir

Satu penyata yang menyenaraikan semua kursus yang telah didaftar untuk membolehkan pelajar mengambil peperiksaan akhir/dinilai pada sesuatu semester.

1.23 Transkrip Keputusan Peperiksaan

Satu penyata yang menyenaraikan maklumat terperinci keputusan penilaian bagi sesuatu semester.

1.24 Transkrip Keseluruhan

Penyata rasmi yang menyenaraikan keseluruhan keputusan penilaian sepanjang tempoh pengajian pelajar.

1.25 Skrol

Dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh Kolej Universiti bagi mengesahkan pengurniaan Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda/Diploma.

1.26 Cuti Khas

Cuti yang dipohon oleh pelajar untuk menangguhkan pengajian atas sebab-sebab tertentu.

1.27 Tindakan Tatatertib

Hukuman yang dijatuhkan oleh Jawatankuasa Peperiksaan (Pengendalian Tatatertib Semasa Peperiksaan) ke atas pelajar yang melanggar peraturan semasa peperiksaan.

1.28 Penangguhan Pengajian

Penangguhan yang diberi kepada pelajar dengan kebenaran Kolej Universiti atas sebab-sebab tertentu.

1.29 Penggantungan Pengajian

Hukuman oleh Jawatankuasa Tatatertib Kolej Universiti yang mengakibatkan pelajar tidak dibenarkan meneruskan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan.

1.30 Penggantungan Sementara

Status yang diberikan kepada :

1.30.1 Pelajar yang gagal menghadiri perbincangan Jawatankuasa Tatatertib Kolej Universiti bagi sesuatu kesalahan tatatertib setelah dimaklumkan secara lisan dan bertulis.

1.30.2 Pelajar yang gagal membayar denda/pampasan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tatatertib Kolej Universiti mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

1.31 Plagiarisme

Peniruan hasil kerja dan/atau pendapat orang lain samada menerusi bahan bercetak atau elektronik tanpa mengiktiraf atau membuat pengakuan akan sumbernya.

1.32 Rayuan Semakan Semula Skrip Jawapan Peperiksaan Akhir

Proses semakan semula terhadap keputusan peperiksaan bagi sesuatu kursus yang mempunyai peperiksaan akhir.

1.33 Pengawas Peperiksaan

Staf akademik, pegawai atau pembantu peperiksaan yang ditugaskan untuk mengawasi perjalanan sesuatu peperiksaan mengikut peraturan peperiksaan yang telah ditetapkan.

1.34 Peperiksaan Khas

Ujian bertulis bagi sesuatu kursus yang diambil secara ulangan oleh pelajar yang akan bergraduasi, yang gagal atau tidak menduduki peperiksaan akhir dengan kebenaran untuk membolehkan mereka menamatkan pengajian.

1.35 Peperiksaan Gantian

Ujian bertulis bagi sesuatu kursus yang diambil secara gantian kerana pelajar tidak menghadiri peperiksaan disebabkan masalah kesihatan, perlu mendapatkan Sijil Sakit (MC) dari Hospital Kerajaan atau bagi kes-kes lain dan kes yang wajar dan munasabah untuk diberikan peluang untuk menduduki peperiksaan tersebut.

1.36 Pelajar Kena Tuduh (PKT)

Pelajar yang didakwa atas kesalahan pelanggaran tata tertib semasa peperiksaan.

1.37 Latihan Industri

Aktiviti pembelajaran luar kuliah yang ditetapkan oleh Kolej Universiti untuk memenuhi salah satu syarat penganugerahan Diploma atau Ijazah Sarjana Muda bagi memberikan pendedahan kepada pelajar suasana sebenar alam pekerjaan dan ianya dilaksanakan pada semester/tahun akhir pengajian.

2.0 PERATURAN DAN PROSEDUR

2.1 Kemasukan Pelajar

- 2.1.1 Syarat dan kelayakan masuk bagi program Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda, Diploma dan Asasi ditentukan oleh Fakulti dengan kelulusan Senat.
- 2.1.2 Pemilihan Pelajar
Pemilihan pelajar untuk kemasukan ke Program Pengajian diperakukan oleh Bahagian Pengambilan dan Rekod Pelajar.
- 2.1.3 Bagi calon pelajar antarabangsa yang memohon kemasukan ke Program Ijazah Sarjana Muda mestilah mempunyai kelulusan TOEFL atau IELTS dengan tahap yang ditetapkan oleh Kolej Universiti mengikut program.
- 2.1.4 Kemasukan pelajar baharu bagi semua Program Pengajian adalah pada permulaan semester pengajian.
- 2.1.5 Pelajar tidak dibenarkan mendaftar lebih dari satu Program Pengajian pada satu masa yang sama.
- 2.1.6 Pelajar yang Gagal dan Diberhentikan/gugur status sebagai pelajar dibenarkan untuk memohon semula ke mana-mana Program Pengajian di Kolej Universiti dengan mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Rayuan Meneruskan Pengajian.
- 2.1.7 Pelajar yang diberhentikan atas tindakan tatatertib tidak dibenarkan memohon kemasukan semula ke mana-mana Program Pengajian.
- 2.1.8 Pelajar yang menarik diri dari Kolej Universiti boleh memohon semula bagi kemasukan ke Program Pengajian yang lain.

2.2 Status Pelajar

Status pelajar Kolej Universiti tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

- 2.2.1 Mendaftar sebagai pelajar dengan Kolej Universiti untuk

mengikuti Program Pengajian pada tarikh pendaftaran yang ditetapkan.

2.2.2 Menjelaskan yuran pengajian tidak lewat dari tarikh pendaftaran yang ditetapkan; dan

2.2.3 Mendaftar kursus yang ditetapkan dalam struktur Program Pengajian untuk semester berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

2.3 Gugur Status Sebagai Pelajar

Pelajar akan diberikan status Gugur Taraf (GT) sekiranya tidak mematuhi perkara seperti di 2.2.

2.4 Keperluan Akademik

Pelajar bagi program Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda, Diploma dan Asasi dikehendaki memenuhi semua keperluan akademik seperti berikut :

2.4.1 Kurikulum Pengajian

2.4.2 Pelajar dikehendaki mendaftar dan lulus semua kursus yang telah ditetapkan oleh Fakulti.

2.4.3 Pra-syarat

Fakulti mengenalpasti dan menetapkan kursus pra-syarat dalam program yang ditawarkan (jika berkaitan).

2.4.4 Latihan Industri (kecuali bagi program Asasi)

2.4.4.1 Syarat mendaftar Latihan Industri adalah seperti berikut :

- a) Berada di semester akhir/tahun akhir pengajian; dan/atau
- b) Telah mengambil serta lulus semua kursus pra-syarat yang ditentukan oleh Fakulti; dan/atau
- c) Syarat-syarat tambahan yang ditetapkan oleh Fakulti.

- 2.4.4.2 Pelajar tidak dibenarkan mendaftar kursus-kursus lain kecuali dengan kebenaran Fakulti ketika menjalani Latihan Industri.
- 2.4.4.3 Pelajar tidak dibenarkan menangguhkan Latihan Industri kecuali dengan kebenaran Fakulti.
- 2.4.4.4 Tempoh Latihan Industri adalah bergantung kepada Program Pengajian pelajar. Dicadangkan supaya tempoh terkumpul bagi Latihan Industri tidak kurang daripada tiga (3) bulan atau tempoh yang ditetapkan oleh mana-mana badan profesional yang mempunyai kuasa menganugerah akreditasi. Bagi pelajar antarabangsa, juga akan ditetapkan oleh mana-mana badan profesional yang mempunyai kuasa menganugerah akreditasi.

2.5 Pemindahan Kredit Horizontal

Permohonan pemindahan kredit horizontal dalaman perlulah dimohon bersama dengan permohonan pertukaran program menggunakan Borang Pemindahan Kredit Horizontal.

- 2.5.1 Semua gred kursus yang diperolehi pada Program Pengajian asal yang mempunyai kod kursus yang sama atau setara akan dipindahkan ke Program Pengajian baharu.
- 2.5.2 Pemindahan gred mengambil kira semua gred lulus dan gagal, termasuk gred FD, FB dan FE.
- 2.5.3 Semua gred yang dipindahkan akan digunakan untuk pengiraan PNG dan HPNG pelajar pada Program Pengajian baharu.
- 2.5.4 Jumlah maksimum unit kredit untuk dipindahkan tidak melebihi satu pertiga ($1/3$) jumlah unit kredit bagi Program Pengajian yang sedang diikuti.
- 2.5.5 Tidak dibenarkan untuk pelajar yang telah berjaya memasuki Program Pengajian lain setelah berhenti pengajian, atau telah

diberikan status Gagal dan Diberhentikan dari satu-satu Program Pengajian di Kolej Universiti.

2.5.6 Kelulusan permohonan akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Akademik Kolej Universiti.

2.6 Pemindahan Kredit Vertikal

Pelajar boleh memohon pemindahan kredit vertikal untuk sesuatu kursus mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Kolej Universiti.

2.6.1 Pelajar yang gagal/tidak tamat/diberhentikan daripada mana-mana Program Pengajian/Program IPT tidak layak diberi pemindahan kredit vertikal.

2.6.2 Jumlah maksimum unit kredit untuk dipindahkan tidak melebihi satu pertiga ($1/3$) jumlah unit kredit bagi Program Pengajian yang sedang diikuti.

2.6.3 Kursus yang dipohon untuk pemindahan kredit vertikal mempunyai pertindihan kandungan sekurang-kurangnya 80% dengan kursus yang ditawarkan.

2.6.4 Kursus yang dimohon untuk pemindahan kredit vertikal hendaklah sekurang-kurangnya mendapat gred C.

2.7 Permohonan Pemindahan Kredit

2.7.1 Permohonan pemindahan kredit hendaklah dibuat sekali sahaja dalam tempoh pengajian iaitu pada semester pertama pengajian dengan mengisi Borang Permohonan Pemindahan Kredit.

2.7.2 Borang Permohonan Pemindahan Kredit hendaklah dimajukan kepada Fakulti dalam tempoh 14 hari dari tarikh pendaftaran pelajar.

2.7.3 Jumlah unit kredit yang diberi pemindahan diiktiraf sebagai memenuhi syarat keperluan kredit bagi Program Pengajian. Gred dan nilai gred kursus yang diberi pengecualian tidak

diambilkira dalam penjanaan PNG dan HPNG.

- 2.7.4 Kelulusan pengecualian kredit akan dipertimbangkan oleh Fakulti.
- 2.7.5 Keputusan permohonan pemindahan kredit akan dimaklumkan kepada pelajar selewat-lewatnya 30 hari bekerja selepas tarikh permohonan diterima.

2.8 Tempoh Maksimum Pengajian

Tempoh maksimum pengajian bagi pelajar adalah seperti berikut :

2.8.1	Program Ijazah Sarjana Sehingga lapan (8) semester bagi mod sepenuh masa. Sehingga sepuluh (10) semester bagi mod separuh masa.
2.8.2	Program Ijazah Sarjana Muda Sehingga dua belas (12) semester.
2.8.3	Program Diploma Sehingga sepuluh (10) semester bagi mod sepenuh masa. Sehingga lima belas (15) semester bagi mod separuh masa
2.8.4	Program Asasi Sehingga tujuh (7) semester.

2.9 Penangguhan Pengajian

- 2.9.1 Pelajar boleh memohon penangguhan pengajian selama dua (2) semester secara berturut-turut atau tidak di sepanjang pengajian.
- 2.9.2 Tempoh cuti khas yang diluluskan atas sebab kesihatan atau sebab-sebab lain yang difikirkan munasabah oleh Fakulti tidak diambilkira sebagai tempoh pengajian Kolej Universiti.
- 2.9.3 Permohonan cuti khas hendaklah dibuat dengan mengisi Borang Permohonan Cuti Khas kepada Fakulti tidak lewat dari 14 hari bekerja sebelum peperiksaan akhir bermula.
- 2.9.4 Permohonan cuti khas atas sebab kesihatan perlu disertakan

dengan surat/laporan yang dikeluarkan oleh Pegawai Perubatan Hospital Kerajaan.

2.9.5 Kelulusan untuk cuti khas akan dipertimbangkan oleh Fakulti bagi semester semasa sahaja.

2.9.6 Pelajar yang diluluskan permohonannya, yuran pengajian yang telah dibayar tidak akan dikembalikan.

2.10 Pendaftaran Kursus

2.10.1 Pendaftaran kursus mestilah dilakukan secara atas talian (online) melalui Sistem Maklumat Pelajar (SMP) dengan mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Kolej Universiti.

2.10.2 Jumlah jam kredit pelajar Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda, Diploma dan Asasi hendaklah tidak melebihi 20 unit kredit kecuali bagi semester di mana pelajar menjalani latihan industri atau pelajar semester akhir yang akan menamatkan pengajian.

2.10.3 Pelajar semester akhir bagi program Ijazah Sarjana Muda yang berstatus Baik dibenarkan untuk mendaftar sehingga maksimum 24 unit kredit dengan kelulusan Fakulti untuk menamatkan pengajian.

2.10.4 Jumlah kredit yang boleh diambil oleh pelajar Diploma yang berstatus Amaran atau Percubaan mestilah tidak melebihi 12 unit kredit dalam sesuatu semester.

2.10.5 Jumlah kredit yang boleh diambil oleh pelajar Ijazah Sarjana Muda yang berstatus Amaran atau Percubaan mestilah tidak melebihi 15 unit kredit dalam sesuatu semester.

2.11 Perubahan Pendaftaran Kursus

Perubahan pendaftaran kursus merangkumi :

2.11.1 Penambahan Kursus

Pelajar boleh menambah kursus secara online dengan mengikut prosedur dan tempoh yang ditetapkan oleh Kolej Universiti.

2.11.2 Pengguguran Kursus

Pelajar boleh menggugurkan kursus secara online dengan mengikuti prosedur dan tempoh yang ditetapkan oleh Kolej Universiti.

2.12 Kehadiran Pelajar

2.12.1 Pelajar dimestikan untuk menghadiri kuliah serta aktiviti pembelajaran lain seperti bengkel/tutorial/makmal/studio/latihan amali dan latihan industri seperti yang ditetapkan dalam kurikulum pengajian.

2.12.2 Pelajar yang tidak mencapai kehadiran 80% dari jumlah jam pertemuan untuk mana-mana kursus tanpa mendapat kebenaran bertulis dari Fakulti, tidak dibenarkan untuk menduduki peperiksaan akhir bagi kursus tersebut. Bagi kursus yang tiada peperiksaan akhir, kerja kursus tidak akan diberikan penilaian.

2.12.3 Pelajar yang disebut dalam perkara 2.12.2 akan diberikan Gred FB atau Gagal.

2.13 Slip Kebenaran Menduduki Peperiksaan Akhir

2.13.1 Pelajar perlu menyemak Slip Kebenaran Menduduki Peperiksaan Akhir yang dipaparkan dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP). Sebarang pindaan perlulah mendapat pengesahan daripada Fakulti dalam tempoh 14 hari selepas tarikh akhir gugur kursus.

2.13.2 Pelajar mesti membuat pengesahan ke atas Slip Kebenaran Menduduki Peperiksaan Akhir melalui SMP. Sekiranya pelajar gagal berbuat demikian, penyata tersebut dengan sendirinya dianggap sah dan muktamad.

2.13.3 Slip Kebenaran Menduduki Peperiksaan Akhir perlu dicetak oleh pelajar melalui SMP dan sebarang pindaan adalah tidak

dibenarkan.

2.13.4 Pelajar yang gagal membawa Slip Kebenaran Menduduki Peperiksaan Akhir, tidak akan dibenarkan menduduki peperiksaan.

2.14 Keputusan Akhir dan Penilaian

2.14.1 Keputusan akhir dan penilaian kursus diberi dalam bentuk gred dan nilai gred. (Sila rujuk Jadual 2)

2.14.2 Keputusan bagi setiap kursus diberi status seperti berikut :

L **Lulus.** Huruf gred ini diberikan kepada kursus yang keputusannya tidak digredkan tetapi diberikan catatan lulus sahaja dan dikira sebagai jumlah kredit untuk bergraduasi.

G **Gagal.** Huruf gred ini diberikan kepada kursus yang keputusannya tidak digredkan tetapi diberikan catatan gagal sahaja dan dikira sebagai jumlah kredit untuk bergraduasi.

TL **Tidak Lengkap.** Simbol ini menunjukkan bahawa pelajar tidak dapat memenuhi sebahagian daripada keperluan sesuatu kursus yang berbentuk tugas atas sebab di luar kawalan mengikut penentuan pensyarah. Pelajar hendaklah diberi tempoh sehingga akhir minggu kedua pada semester berikutnya untuk melengkapkan tugas itu bagi mendapat penilaian penuh dan gred.

AU **Audit.** Simbol ini menunjukkan bahawa pelajar mendaftar dan menghadiri kursus serta mengambil peperiksaan bagi kursus itu.

M **Memuaskan.** Huruf gred ini diberikan kepada kursus yang keputusannya tidak digredkan tetapi diberikan catatan lulus.

- TM **Tidak Memuaskan.** Huruf gred ini diberikan kepada kursus yang keputusannya tidak digredkan tetapi diberikan catatan gagal.
- TD **Tarik Diri.** Simbol ini menunjukkan bahawa pelajar mendaftar kursus tetapi pelajar menarik diri selepas minggu kedua dan tiada gred akan diberikan serta tidak dikira dalam jumlah jam kredit.
- FD **Gagal Kerana Kes Disiplin.** Huruf gred ini diberikan kepada kursus kerana pelajar disabitkan kesalahan meniru dalam peperiksaan.
- FB **Gagal Kerana Dihalang Dari Menduduki Peperiksaan Akhir.** Huruf gred ini diberikan kepada kursus kerana rekod kedatangan pelajar ke kuliah kurang dari 80%.
- FE **Gagal Kerana Tidak Menghadiri Peperiksaan Akhir.** Huruf gred ini diberikan kepada kursus kerana pelajar tidak menghadirkan diri untuk peperiksaan akhir.

2.15 Status Tidak Lengkap (TL)

- 2.15.1 Status TL diberikan kepada kursus berbentuk projek ilmiah/latihan amali/latihan industri yang tidak dapat dilengkapkan dalam semester yang ditetapkan.
- 2.15.2 Tempoh status TL adalah tidak melebihi satu (1) semester berikutnya. Sekiranya pelajar tidak menyiapkan projek ilmiah/latihan amali/latihan industri dalam tempoh yang ditetapkan, pelajar akan diberikan Gred F atau gagal.
- 2.15.3 Pelajar yang mempunyai kursus berstatus TL hendaklah mendaftar semula kursus tersebut dan membayar yuran pengajian pada semester akan datang.

2.16 Pengiraan Purata Nilai Gred (PNG) dan Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG)

2.16.1 Pengiraan keputusan akhir dan penilaian pelajar di penghujung setiap semester disertakan dengan Purata Nilai Gred (PNG) dan Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG) yang memberikan gambaran tentang pencapaian pelajar.

2.16.2 Rumusan yang digunakan untuk mengira Purata Nilai Gred (PNG) dan Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG) adalah seperti berikut :

$$\text{PNG} = \frac{\text{Jumlah Nilai yang didaftarkan dalam penilaian pada suatu semester}}{\text{Jumlah Unit Kredit yang diperolehi dalam semester yang sama}}$$

$$\text{HPNG} = \frac{\text{Jumlah Nilai Kredit yang didaftarkan dalam penilaian pada semua semester}}{\text{Jumlah Unit Kredit yang terkumpul dalam semua semester}}$$

2.17 Status Keputusan Akhir dan Penilaian

Berdasarkan kepada pencapaian HPNG, pelajar diberi status keputusan akhir dan penilaian seperti berikut :

2.17.1 Baik

2.17.2 Amaran

Diberikan kepada pelajar yang mencapai prestasi tidak memuaskan dalam memperolehi HPNG di antara 1.70 hingga 1.99.

2.17.3 Percubaan

Diberikan kepada pelajar yang mencapai prestasi tidak memuaskan dengan memperolehi HPNG di antara 1.00 hingga 1.70; ATAU mendapat status Amaran kali kedua secara berturut-turut.

- 2.17.4 **Gagal dan Diberhentikan**
Diberikan kepada pelajar yang mencapai prestasi yang amat tidak memuaskan dengan HPNG kurang dari 1.00; ATAU telah mendapat status Percubaan pada semester sebelumnya.
- 2.17.5 **Tamat dan dianugerahkan Ijazah Sarjana**
- 2.17.6 **Tamat dan dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda**
- 2.17.7 **Tamat dan dianugerahkan Diploma**
- 2.17.8 **Tamat dan diberikan surat tamat pengajian Asasi**
- 2.18 **Penyata Keputusan Peperiksaan**
- 2.18.1 **Penyata keputusan peperiksaan yang telah disahkan oleh Senat dipaparkan secara online di dalam Sistem Maklumat Pelajar dan dicetak sendiri oleh pelajar sebagai rekod. Walaubagaimanapun, cetakan yang diperolehi melalui paparan tersebut tidak diiktiraf sebagai cetakan rasmi.**
- 2.18.2 **Penyata keputusan peperiksaan rasmi boleh diperolehi dari Bahagian Pengambilan dan Rekod Pelajar.**
- 2.18.3 **Kolej Universiti berhak menahan Penyata Keputusan Peperiksaan sekiranya pelajar gagal mematuhi mana-mana peraturan yang ditetapkan oleh Kolej Universiti.**
- 2.19 **Pengurniaan Akademik**
- 2.19.1 **Pelajar layak dianugerahkan Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma dengan syarat-syarat berikut :**
- 2.19.1.1 **Memperolehi HPNG sekurang-kurangnya 2.00; dan**
- 2.19.1.2 **Lulus dalam semua kursus yang dikehendaki oleh sesuatu Program Pengajian dan berstatus tamat.**
- 2.19.2 **Pengkelasan Ijazah Sarjana Muda**
Pengkelasan Ijazah Sarjana Muda adalah mengikut nilai HPNG pelajar seperti yang ditetapkan oleh Senat (Sila rujuk Jadual 3) dan terbahagi kepada :

- 2.19.2.1 Kelas Pertama
- 2.19.2.2 Kelas Kedua (Tinggi)
- 2.19.2.3 Kedua Kedua (Rendah)
- 2.19.2.4 Kelas Ketiga

2.20 Anugerah Naib Canselor

Pelajar menerima Anugerah Naib Canselor jika memenuhi syarat-syarat berikut :

- 2.20.1 Telah tamat Program Pengajian dan berjaya memperolehi Anugerah Dekan pada setiap semester dalam tempoh pengajian sebenar, tidak termasuk semester latihan industri. (Sila rujuk Jadual 1)
- 2.20.2 Telah lulus latihan industri bagi pelajar yang perlu menjalani latihan industri.
- 2.20.3 Tidak pernah mengulang mana-mana kursus.
- 2.20.4 Tidak pernah disabitkan dengan tindakan tatatertib.
- 2.20.5 Tidak terpakai untuk program Asasi.

2.21 Anugerah Dekan

Pelajar menerima Anugerah Dekan jika memenuhi syarat-syarat berikut :

- 2.21.1 Memperolehi Purata Nilai Gred (PNG) minimum 3.50 dan mendaftar sekurang-kurangnya 12 unit kredit kursus yang mempunyai gred dalam sesuatu semester.
- 2.21.2 Pelajar tidak pernah disabitkan dengan tindakan tatatertib.

2.22 Transkrip dan Skrol

- 2.22.1 Transkrip dan Skrol diberikan kepada pelajar setelah tamat sesuatu Program Pengajian.

2.23 Pengaktifan Semula Status Sebagai Pelajar Setelah Gugur Taraf (GT)

- 2.23.1 Permohonan untuk pengaktifan semula status sebagai pelajar

boleh dikemukakan secara online melalui Sistem Maklumat Pelajar dalam tempoh 14 hari setelah senarai gugur taraf diumumkan.

2.23.2 Setiap permohonan yang diluluskan akan dikenakan bayaran seperti berikut :

2.23.2.1 Bayaran pengaktifkan semula status sebagai pelajar adalah sebanyak RM50.00.

2.23.2.2 Bayaran pendaftaran kursus di luar tempoh adalah sebanyak RM50.00 bagi setiap kursus.

2.23.3 Bagi permohonan pengaktifan semula yang lewat dari tempoh rayuan yang telah ditetapkan akan dikenakan syarat-syarat berikut :

2.23.3.1 Rayuan dikemukakan menggunakan Borang HEA/BPRP/RGT yang disertakan dengan Borang Permohonan Cuti Khas yang telah diluluskan oleh Fakulti.

2.23.3.2 Pemohon hanya dibenarkan meneruskan pengajian pada semester berikutnya dan diberikan status Cuti Khas pada semester berkenaan.

2.24 Pertukaran Program

Pertukaran program adalah dibenarkan dengan mengisi Borang Permohonan Pertukaran Program.

2.25 Jadual Kuliah

Jadual Kuliah akan dikeluarkan sebelum kuliah bermula pada setiap semester.

- 2.26 Kelayakan Menduduki Peperiksaan Akhir
- 2.26.1 Setiap pelajar adalah layak untuk menduduki ujian atau peperiksaan akhir bagi sesuatu kursus yang telah didaftarkan kecuali jika pelajar itu gagal mematuhi peraturan seperti di 2.12.
 - 2.26.2 Seseorang pelajar yang kehadirannya kurang daripada 80% keseluruhan jam pertemuan yang ditetapkan bagi sesuatu kursus yang didaftarkan, tidak akan dibenarkan untuk menduduki peperiksaan akhir bagi kursus berkenaan. Pelajar perlu memaklumkan dengan segera kepada pensyarah jika tidak dapat menghadiri kuliah.
 - 2.26.3 Mematuhi perkara pada 2.13.
- 2.27 Peperiksaan Gantian
- 2.27.1 Pelajar yang tidak dapat menghadiri peperiksaan disebabkan masalah kesihatan, perlu mendapatkan Sijil Sakit (MC) dari Hospital Kerajaan dan perlu menyerahkan MC tersebut bersama dengan Borang Permohonan Peperiksaan Gantian.
 - 2.27.2 Bagi kes-kes lain dan kes yang wajar, boleh membuat permohonan dengan dilampirkan bersama Borang Permohonan Peperiksaan Gantian.
 - 2.27.3 Peperiksaan Gantian akan dijalankan pada waktu yang akan ditetapkan.
 - 2.27.4 Peperiksaan Gantian juga akan dilaksanakan sekiranya berlaku kebocoran kertas soalan peperiksaan akhir bagi sesuatu kursus.
- 2.28 Peperiksaan Khas
- 2.28.1 Peperiksaan Khas boleh diadakan bagi kursus yang mempunyai peperiksaan akhir secara bertulis untuk membolehkan pelajar bergraduat dan menamatkan pengajian dalam tempoh pengajian yang telah ditetapkan.

- 2.28.2 Gred tertinggi yang boleh diperolehi oleh pelajar setelah menduduki Peperiksaan Khas adalah gred C.
- 2.29 Tarikh Peperiksaan Akhir
Tarikh peperiksaan akhir adalah seperti yang dinyatakan dalam Kalendar Akademik bagi semester semasa.
- 2.30 Jadual Peperiksaan Akhir
Jadual peperiksaan akhir akan dikeluarkan sebelum minggu ulangkaji pada setiap akhir semester.
- 2.31 Pelanggaran Kaedah Tatatertib Pelajar Bersabit Dengan Peperiksaan Akhir (Pengendalian Tatatertib)
- 2.31.1 Rujukan utama adalah melalui Buku Peraturan Tatatertib Pelajar Kolej Universiti Agrosains Malaysia (Pindaan 2015).
- 2.31.2 Pelajar yang didapati bersalah di bawah klausa Peperiksaan akan didakwa dan dihukum serta dibicarakan oleh Jawatankuasa Peperiksaan (Pengendalian Tatatertib).
- 2.32 Rayuan
- 2.32.1 Rayuan Semakan Gred
- 2.32.1.1 Pelajar dibenarkan untuk membuat rayuan semakan gred keputusan peperiksaan bagi sesuatu kursus. Semakan gred hanya boleh dilakukan bagi kursus yang mempunyai peperiksaan akhir sahaja dengan menyemak semula skrip jawapan peperiksaan akhir pelajar untuk kursus berkenaan.
- 2.32.1.2 Pelajar perlu mengemukakan permohonan dengan mengisi Borang Permohonan Semakan Gred selepas tarikh keputusan diumumkan secara rasmi sehingga minggu kedua kuliah.
- 2.32.1.3 Setiap permohonan dikenakan bayaran RM50.00

bagi setiap kursus. Resit pengesahan pembayaran perlu dilampirkan bersama dengan Borang Permohonan Semakan Gred.

- 2.32.1.4 Keputusan terhadap permohonan akan dimaklumkan kepada pelajar dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh permohonan diterima.
- 2.32.1.5 Rayuan semakan gred bagi keputusan Peperiksaan Khas adalah tidak dibenarkan.

2.32.2 Rayuan Meneruskan Pengajian

- 2.32.2.1 Seseorang pelajar yang mendapat status Gagal dan Diberhentikan, dibenarkan untuk mengemukakan rayuan bagi meneruskan pengajian.
- 2.32.2.2 Permohonan perlu dikemukakan kepada Jawatankuasa Rayuan Meneruskan Pengajian dalam tempoh 14 hari selepas tarikh keputusan rasmi diumumkan.
- 2.32.2.3 Yuran proses untuk permohonan Rayuan Meneruskan Pengajian adalah sebanyak RM50.00.

Jadual 1 : Jumlah Unit Kredit Bagi Program Pengajian

Program Pengajian	Unit Kredit
Ijazah Sarjana	Minimum 40 kredit
Ijazah Sarjana Muda	Minimum 120 kredit
Diploma	Minimum 90 kredit
Asasi	Minimum 50 kredit

Jadual 2 : Nilai Gred

Gred	Markah	Mata Nilain/Gred	Taraf
A	80 – 100	4.00	Amat Cemerlang
A-	75 – 79	3.75	Sangat Baik
B+	70 – 74	3.50	Sangat Baik
B	65 – 69	3.00	Baik
B-	60 – 64	2.75	Baik
C+	55 – 59	2.50	Memuaskan
C	50 – 54	2.00	Memuaskan
C-	47 – 49	1.75	Lemah
D+	44 – 46	1.50	Lemah
D	40 – 43	1.00	Sangat Lemah
F	0 – 39	0.00	Gagal

Jadual 3 : Kelas Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda

Kelas	Julat HPNG
Kepujian Kelas Pertama	3.50 – 4.00
Kepujian Kelas Kedua (Tinggi)	3.00 – 3.49
Kepujian Kelas Kedua (Rendah)	2.50 – 2.99
Kepujian Kelas Ketiga	2.49 ↓

3.0 MAKLUMAT STRUKTUR PENGAJIAN

Kolej Universiti Agrosains Malaysia terdiri daripada empat (4) buah Fakulti yang mengendalikan program pengajian akademik seperti berikut :

3.1 Fakulti Agrosains (FAS)

- i. Bachelor of Landscape Management (Hons.)
- ii. Bachelor of Agriculture Science (Hons.)
- iii. Diploma Pengurusan Landskap
- iv. Diploma Sains Pertanian
- v. Diploma Pengurusan Ladang
- vi. Diploma Pengeluaran Ternakan
- vii. Foundation In Science

3.2 Fakulti Pengurusan Perniagaan (FPP)

- i. Master of Business Administration
- ii. Bachelor of Accountancy (Hons.)
- iii. Bachelor of Business Administration (Agriculture Management) (Hons.)
- iv. Diploma Perniagaantani
- v. Diploma Keusahawanan
- vi. Diploma Perakaunan
- vii. Diploma Kewangan Islam
- viii. Diploma Pengurusan Perniagaan
- ix. Foundation in Business Management

3.3 Fakulti Sains Komputer (FSK)

- i. Diploma E-Perniagaan
- ii. Diploma Sains Komputer (Rangkaian)

3.4 Fakulti Sains Sosial (FSS)

- i. Diploma in English for Communication
- ii. Diploma Pembangunan Luar Bandar

3.1 FAKULTI AGROSAINS (FAS)

1. BACHELOR OF LANDSCAPE MANAGEMENT (HONS.) – (4 TAHUN / 8 SEMESTER)

Semester 1			
Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Pra-syarat
ABEL 2323	Professional Communication	3	
ABIT 2213	Office Application Technology	3	
BLM 3401	Pest Management	3	
BLM 3403	Soil Management	3	
BLM 3404	Plant Botany in Landscape	3	
MPU 3113	Hubungan Etnik (L)	3	
MPU 3122	TITAS (L)	2	
MPU 3143	Bahasa Melayu Komunikasi 2 (I)	3	
MPU 3173	Pengajian Malaysia 3 (I)	3	
Jumlah Kredit Semester (L)		20	
Jumlah Kredit Semester (I)		21	

Semester 2			
Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Pra-syarat
BLM 3101	Introduction to Landscape Design	3	
BLM 3201	Introduction to CAD	3	
BLM 3402	Turf Management	3	
BLM 3602	Landscape Construction	3	
BLM 3706	Landscape Amenity Management	2	
BLM 3501	Landscape Architectural History and Theory	2	
	Elective 1	3	
Jumlah Kredit Semester		19	

Semester 3			
Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Pra-syarat
BLM 3405	Arboriculture Practice	3	
BLM 3601	Land Survey	3	
BLM 3703	Landscape Management	3	
BLM 3202	CAD for Landscape Project	3	BLM 3201
FAS 3000	Sustainable Agriculture Practices	3	
MPU 3213/ MPU 3223	Bahasa Kebangsaan A (L) / Business Ethics (I)	3	
Jumlah Kredit Semester		18	

Semester 4			
Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Pra-syarat
BLM 3301	Landscape Ecology	2	
BLM 3102	Landscape Management Plan Studio	3	BLM 3101
BLM 3604	Geographical Information System	3	
BLM 3702	Nursery Management	3	
BLM 3704	Landscape Resource Management	3	
MPU 3313	Environmental Philosophy (L&I)	3	
	Elective 2	3	
Jumlah Kredit Semester		20	

Semester 5			
Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Pra-syarat
BEL 3112	English for Academic Purposes	3	
BLM 3705	Landscape Contract and Administration	3	
BLM 3801	Landscape Management Comparative Study	2	
FIN 3313	Financial Management	3	
BLM 3603	Landscape Engineering	3	
MPU 3412	Khidmat Masyarakat (L&I)	2	
Jumlah Kredit Semester		16	

Semester 6			
Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Pra-syarat
ABM 2313	Entrepreneurship	3	
BLM 3104	Planning and Environmental Law	3	
BLM 3502	Technology and Environment	3	
BLM 3605	Principle of Construction Economics	3	
BLM 3707	Urban Planning and Management	3	
Jumlah Kredit Semester		15	

Semester 7			
Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Pra-syarat
BLM 3900	Industrial Training	8	
Jumlah Kredit Semester		8	

Semester 8

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Pra-syarat
BLM 3802	Fundamental of Research Methodology	3	
BLM 3803	Thesis in Landscape Management	6	
Jumlah Kredit Semester		9	

* Struktur program adalah tertakluk kepada pindaan.

JUMLAH KREDIT : 125 (L), 126 (I)

Elektif

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Pra-syarat
BLM 3203	Play Ground Safety	3	
BLM 3413	Tree Risk Management	3	
BLM 3423	Urban Forestry	3	
BLM 3213	Professional Practice In Horticulture And Landscape	3	
BLM 3103	Site Planning	3	
BLM 3702	Recreational Park Management	3	

*Pilih DUA (2) sahaja.

Petunjuk : L – Pelajar Tempatan
 I – Pelajar Antarabangsa

**2. BACHELOR OF AGRICULTURE SCIENCE (HONS.) –
(4 TAHUN / 8 SEMESTER)**

Semester 1			
Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Pra-syarat
ABEL 2323	Professional Communication	3	
ABIT 2213	Office Application Technology	3	
FAS 3000	Sustainable Agriculture Practices	3	
SCM 2123	Agriculture Chemistry	3	
LDG 2111	Fieldwork 1 – Food Crops	1	
MPU 3113	Hubungan Etnik (L)	3	
MPU 3122	TITAS (L)	2	
MPU 3173	Pengajian Malaysia 3 (I)	3	
MPU 3143	Bahasa Melayu Komunikasi 2 (I)	3	
MPU 3213/ MPU 3223	Bahasa Kebangsaan A (L) / Business Ethics (I)	3	
Jumlah Kredit Semester (L)		21	
Jumlah Kredit Semester (I)		22	

Semester 2			
Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Pra-syarat
SST 2113	Soil Science	3	
BIO 2123	Biological Science	3	
TKP 2153	Agriculture Extension	3	
PPT 2163	Entomology	3	
HCL 2132	Horticulture	2	
SHW 2143	Livestock Production	3	
LDG 2121	Fieldwork 2 – Major Crops	1	LDG 2111
Jumlah Kredit Semester		18	

Semester 3			
Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Pra-syarat
SBC 2223	Biochemistry	3	
PPT 2263	Plant Pathology	3	
AKU 2243	Aquaculture Management	3	
TKP 2253	Agriculture Mechanization	3	
EPT 2033	Principle of Agriculture Marketing	3	
LDG 2231	Fieldwork 3 – Livestock Production	1	LDG 2121
Jumlah Kredit Semester		16	

Semester 4

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Pra-syarat
SST 2213	Soil Management	3	
STN 2233	Botanical Crop Science	3	
STN 2203	Plant Physiology	3	
SMB 2223	Bioindustrial Microbiology	3	
MPU 3412	Khidmat Masyarakat (L&I)	2	
MPU 3313	Environmental Philosophy (L&I)	3	
LDG 2241	Fieldwork 4 – Aquaculture Production	1	LDG 2231
Jumlah Kredit Semester		18	

Semester 5

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Pra-syarat
STN 2333	Genetic and Plant Breeding	3	
MAT 2223	Biometry	3	
ABM 2313	Entrepreneurship	3	
LDG 2351	Fieldwork 5 – Farm Mechanization	1	
FAS 2353	Farm Planning and Management	3	
SHW 2343	Livestock Nutrition	3	
Jumlah Kredit Semester		16	

Semester 6

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Pra-syarat
FAS 2373	Final Year Project 1	3	
TKP 2353	Safety and Health in Agriculture	3	
EPT 2013	Agriculture Economic	3	
STC 2333	Major Crops	3	
Jumlah Kredit Semester		12	

Semester 7

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Pra-syarat
FAS 2473	Final Year Project 2	3(0+3)	
STC 2433	Secondary Crops Production	3	
	Elektif 1	3	
	Elektif 2	3	
Jumlah Kredit Semester		12	

Semester 8

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Pra-syarat
LPK 2478	Practical Training	8	
Jumlah Kredit Semester		8	

* Struktur program adalah tertakluk kepada pindaan.

JUMLAH KREDIT : 121 (L), 122 (I)

Elektif			
Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Pra-syarat
SLF 2443	Livestock Health	3	
SLF 2453	Livestock Reproductive Physiology	3	
SLF 2463	Ruminant Production	3	
SLF 2473	Non-Ruminant Production	3	
SLF 2433	Pasture Management	3	
SLF 2434	Post Harvest Technology	3	
SLF 2435	Environment Impact Assessment	3	

*Pilih DUA (2) sahaja.

Petunjuk : L – Pelajar Tempatan
I – Pelajar Antarabangsa

3. DIPLOMA PENGURUSAN LANDSKAP – (3 TAHUN / 6 SEMESTER)

Semester 1

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Pra-syarat
BBI 1103	Business English	3(3+0)	
DPL 2301	Pengenalan Sains Tanah dan Pengurusannya	3(2+1)	
DPL 2400	Tanaman Hiasan	3(2+1)	
ECO 1113	Prinsip Ekonomi	3(3+0)	
MAT 1103	Asas Matematik Perniagaan	3(3+0)	
MPU 2133/ MPU 2163	Bahasa Melayu Komunikasi 1 (I)/ Pengajian Malaysia 2 (L)	3(3+0)	
Jumlah Kredit Semester		18	

Semester 2

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Pra-syarat
ACT 1103	Pengenalan Kepada Perakaunan	3(2+1)	
BBI 1113	Basic Writing Skills	3(2+1)	BBI 1103
DPL 2401	Pengurusan Semaian dan Pembiakan Tumbuhan	3(2+1)	
DPL 2700	Pengurusan Projek Landskap	3(2+1)	
MGT 1103	Prinsip Pengurusan	3(3+0)	
MPU 2213/ MPU 2223	Bahasa Kebangsaan A/ Pengurusan Rekacipta dan Inovasi	3(3+0)	
Jumlah Kredit Semester		18	

Semester 3

Kod Kursus	Nama Kursus	Kredit	Pra-syarat
CSC 1105	Penggunaan Komputer Untuk Kerja Landskap	3(2+1)	
DPL 2100	Perancangan Landskap dan Alam Sekitar	3(2+1)	
DPL 2200	Membaca Pelan dan Pengenalan Rekabentuk Landskap	3(2+1)	
DPL 2500	Perkembangan Teknologi Industri Landskap	2(2+0)	
